

\*\*\*\*\*

## **Penerapan Teknik Mnemonik Dalam Penulisan Karangan Naratif Melalui Pembelajaran Pengadunan**

**Ghazali Bin Mohamed Ibrahim**

Formatted: English (U.S.)

**Guru Kanan Bahasa Ibunda  
Sekolah Menengah Springfield**

**E-mel: ghazali\_b\_md\_ibrahim@moe.edu.sg**

### **PENGENALAN**

'Kurangkan Mengajar, Lebihkan Belajar' atau '*Teach Less, Learn More*' merupakan satu inisiatif pihak Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) yang diperkenalkan pada September 2005. Inisiatif ini menyeru agar para guru mengubah corak pengajaran dan pembelajaran demi melahirkan generasi baru yang mampu berfikir dengan kritis, kreatif dan inovatif. Dalam ucapannya pada Rapat Hari Kebangsaan tahun 2005, Perdana Menteri Encik Lee Hsien Loong telah menyeru agar guru mengajar dengan lebih baik dan menarik lagi, demi mempersiapkan para pelajar bersedia menghadapi cabaran masa hadapan apabila dewasa kelak. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat perubahan yang ketara pada profil pelajar, jenis pengetahuan, dan juga corak pembelajaran pada abad ke-21 ini. Justeru itu, guru perlu mengubah cara mereka mengajar (NIE, 2009). Untuk memastikan pelbagai jenis kemahiran alaf ke-21 dapat diterapkan ke dalam kurikulum, pihak sekolah membuat pengubahsuaian pada strategi dan pendekatan pengajaran, dan juga mod penilaian.

Alat bantu mengajar seperti komputer juga memainkan peranan yang besar dalam proses pemupukan kemahiran alaf ke-21 ini. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan komputer sebagai bahan mengajar mampu membantu proses pengajaran dan pembelajaran (Roschelle, Pea, Hoadley, Gordin, & Means, 2001). Matheos dan Archer (2004), pula berpendapat bahawa penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran menggalakkan interaksi antara guru dan pelajar. Dengan ini, penggunaan komputer juga memainkan peranan yang besar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Koh, 2010) memandangkan semakin ramai pelajar Melayu yang telah memanfaatkan penggunaan komputer untuk melayari internet. Justeru itu, guru Bahasa Melayu dapat memanfaatkan peluang ini untuk merancang rancangan pengajaran yang memerlukan pelajar untuk menggunakan komputer sewaktu pembelajaran bahasa Melayu di sekolah mahupun di luar sekolah. Namun guru bahasa Melayu sering berhadapan dengan masalah memanfaatkan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran mengarah karangan naratif khususnya. Guru mendapati bahawa rancangan pengajaran mengarah karangan naratif mereka kurang menarik kerana mereka mempunyai kesukaran untuk mempelbagaikan kegunaan

\*\*\*\*\*

komputer sepenuhnya. Lazimnya dalam pengajaran penulisan karangan naratif, guru sering menggunakan komputer untuk menayangkan video atau slaid sahaja, manakala pelajar pula menggunakan komputer untuk menaip karangan mereka di blog, perisian Microsoft, perisian komik dan sebagainya. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa guru masih belum dapat memanfaatkan kegunaan komputer untuk membantu para pelajar mempelajari proses mengarang naratif secara efektif. Dalam kertas kerja ini, pengkaji menumpukan perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi guru dan pelajar Bahasa Melayu dan juga pelajar.

## LATAR BELAKANG PERMASALAHAN

Guru Bahasa Melayu sering berhadapan dengan masalah meningkatkan tahap kemahiran menulis karangan naratif para pelajar. Pelajar didapati kurang menunjukkan minat sewaktu pengajaran dan pembelajaran mengarang karangan naratif. Mereka sering mempunyai tanggapan bahawa mereka tidak memiliki bakat untuk mengarang karangan naratif yang baik dan berkualiti. Tanggapan yang negatif ini menyebabkan tahap motivasi dan efikasi sendiri para pelajar dalam penulisan terus menurun dan menjejaskan prestasi akademik pelajar.

Formatted: Malay (Malaysia)

Kini guru didapati menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran mengarang karangan naratif. Namun pelajar masih gagal menghasilkan karangan yang baik. Maka kertas kerja ini menumpukan perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi pelajar sewaktu pembelajaran mengarang karangan naratif. Lazimnya, proses pengajaran dan pembelajaran mengarang karangan naratif terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat pra-menulis, peringkat menulis, dan peringkat pasca-menulis.

Formatted: Malay (Malaysia)

Secara umumnya, pada peringkat pra-menulis pelajar akan diminta guru bersumbangsan secara berkumpulan untuk melakar plot karangan selepas menonton sebuah video yang sering ditayang oleh guru pada peringkat induksi. Sungguhpun mereka diminta berfikir secara berkumpulan, mereka didapati masih kurang berupaya menjana idea-idea yang kreatif dan menarik. Hal ini adalah kerana mereka tidak dibekalkan dengan sebarang strategi untuk membantu mereka berfikir dengan kritis, inovatif dan kreatif. Guru akan membantu dengan memberi beberapa saranan untuk memperbaiki plot karangan pelajar. Pada peringkat menulis pula, pelajar seringkali akan diminta oleh guru untuk mengarang di kertas terdahulu dan kemudian menaip hasil karangan dengan menggunakan blog, perisian Microsoft dan sebagainya. Namun demikian, mereka masih berhadapan dengan masalah untuk mula mengarang bahagian permulaan karangan naratif, dan juga kesukaran menerapkan idea-idea yang telah diperolehi pada peringkat pra-menulis untuk mengarang bahagian pertengahan dan akhir karangan naratif. Pada peringkat terakhir iaitu peringkat pasca-menulis pula, mereka sering diminta oleh guru untuk menilai hasil karangan mereka dan juga teman-teman mereka. Namun, mereka hanya mampu mengenal pasti kesalahan ejaan ataupun tanda baca yang terkandung dalam karangan naratif sungguhpun guru telah

Formatted: Malay (Malaysia)

\*\*\*\*\*

memberikan rubrik yang ringkas untuk membantu mereka membuat penilaian. Guru pula sering memberikan komen-komen yang umum dan ringkas setelah memarkahi karangan naratif para pelajar. Pelajar tidak dapat memanfaatkan komen-komen yang diberi oleh guru untuk mempertingkatkan kemahiran mengarang karangan naratif.

Formatted: Malay (Malaysia)

Maka, kertas kerja ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada guru tentang potensi Pembelajaran Pengadunan sebagai kaedah yang berkesan dan efektif. Kertas kerja ini juga diharapkan dapat membantu guru melakar rancangan pengajaran yang lebih memberi penekanan kepada proses penulisan karangan naratif yang menerapkan teknik mnemonik, dan juga penggunaan komputer secara efektif dan berkesan.

## **PENERAPAN TEKNIK MNEMONIK DALAM PENULISAN**

Sebelum membincangkan dengan lebih lanjut tentang pengaplikasian kaedah pembelajaran pengadunan dalam penulisan karangan naratif, pengkaji akan menjelaskan tentang teknik mnemonik dan juga pengaplikasiannya dalam penulisan karangan naratif.

Sebagaimana yang kita fahami, pelajar sering mempunyai masalah ketika mempelajari ilmu yang baharu dan guru pula perlu memainkan peranan yang aktif untuk membantu pelajar mengingati ilmu yang diajari. Guru perlu mengajar strategi metakognitif kepada pelajar agar mereka berupaya memantau proses pembelajaran mereka sendiri dan juga menyelesaikan tugas dengan sempurna. Baker (1982) juga berpendapat bahawa '*metacognition has two components: (1) an awareness of what skill, strategies, and resources are needed to perform a task effectively and (2) the ability to use self-regulatory mechanisms to ensure the successful completion of the task*'. Maka salah satu cara untuk membantu pelajar untuk mengingati strategi dan juga informasi yang diperlukan adalah dengan menggunakan teknik mnemonik. Menurut Gray (1997), guru sering meminta pelajar mengingati informasi penting yang diberi namun guru tidak menjelaskan cara untuk mengingati informasi tersebut. Maka beliau mempercayai bahawa teknik mnemonik berupaya membantu pelajar mengekod informasi dengan lebih efektif. Teknik mnemonik merupakan prosedur yang sistematik untuk meningkatkan memori seseorang. Teknik ini membantu mengekod informasi dan mengingati informasi yang sudah tersimpan dengan lebih mudah. Sekiranya informasi baharu yang diperkenalkan mempunyai hubungan atau persamaan makna dengan informasi yang sudah tersimpan, maka informasi baharu tersebut akan tersimpan dalam memori dalam jangka masa yang lebih lama dan hanya perlu diingati semula dengan menggunakan teknik mnemonik. Dengan erti kata yang lain, dengan menggunakan teknik mnemonik, guru dapat mengaitkan informasi baharu dengan informasi yang sudah tersimpan dalam memori pelajar.

Dalam pembelajaran dan pengajaran karangan naratif, pengkaji telah memanfaatkan teknik mnemonik untuk menghasilkan serangkai akronim yang dapat membantu pelajar memahami proses menulis karangan naratif dengan lebih berkesan.

\*\*\*\*\*

Akronim-akronim yang telah dihasilkan adalah HAMMaD, SAMMBoB, KaU CoP BmW dan PAGMaD. Dalam setiap akronim terdapat abjad yang berhuruf kecil yang wujudnya hanya untuk melengkapkan bunyi dan tidak memberi sebarang pengertian. Dalam kertas kerja ini, pengkaji akan menjelaskan secara ringkas fungsi setiap akronim tersebut.

- (1) **HAMMaD** diaplikasi sewaktu membina konflik dan klimaks

Formatted: Font: Bold

H : Hasil perbuatan manusia  
A : Alam  
M : Masyarakat  
M : Manusia  
D : Diri sendiri

- (2) **SAMMBoB** diaplikasi sewaktu membina setiap bahagian plot-: permulaan, konflik, klimaks dan peleraian

Formatted: Font: Bold

S : Siapa  
A : Apa  
M : Mengapa  
M : Mana  
B : Bila  
B : Bagaimana

- (3) **KaU CoP BmW** diaplikasi sewaktu mendeskripsi watak dan latar

Formatted: Font: Bold

K : Kata sifat keadaan  
U : Kata sifat ukuran  
C : Kata sifat cara  
P : Kata sifat perasaan  
B : Kata sifat bentuk  
W : Kata sifat warna

- (4) **PAGMaD** diaplikasi sewaktu pelajar membina ayat. Setiap huruf dilabel dengan warna yang tersendiri

Formatted: Font: Bold

P : Komponen ayat perasaan (merah)  
A : Komponen ayat aksi (biru)  
G : Komponen ayat gambaran (hijau)  
M : Komponen ayat minda (ungu)  
D : Komponen ayat dialog (hitam)

\*\*\*\*\*

## **PEMBELAJARAN PENGADUNAN**

Pembelajaran pengadunan atau *blended learning* telah mendapat perhatian dalam dunia pendidikan sejak akhir-akhir ini sebagai kaedah pengajaran yang bergabung bersama teknologi. Pengertian yang diberi tentang pembelajaran pengadunan agak kabur dan kurang jelas. Sebagai contoh, Alavi & Gallupe (2003), Arbaugh (2005) dan Peterson (2003) menjelaskan bahawa pembelajaran pengadunan adalah pendekatan yang menggabungkan pengajaran tradisional dengan teknologi; menggabungkan media dengan perisian yang digunakan dalam e-pembelajaran, dan menggabungkan beberapa pendekatan pedagogi. Manakala Driscoll (2002) menjelaskan bahawa pembelajaran pengadunan merujuk kepada empat jenis konsep yang berbeza: (a) gabungan atau campuran mod teknologi berasas web (b) gabungan pelbagai jenis pendekatan pedagogi (c) gabungan alat bantu mengajar dengan latihan bersemuka, dan gabungan teknologi sistem pengajaran dengan tugas pekerjaan yang sebenar ~~demi~~—untuk menghasilkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Singh (2003) pula menyatakan bahawa pembelajaran pengadunan merupakan satu set strategi pembelajaran yang berupaya dicampur atau diadun dalam beberapa cara seperti: luar talian dengan dalam talian, kolaboratif, berstruktur dengan tidak berstruktur dan sebagainya. Maka tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai interpretasi mengenai pembelajaran pengadunan. Dalam kertas kerja ini model pembelajaran pengadunan yang dimanfaatkan lebih menjurus kepada pengadunan gabungan pelbagai pendekatan pedagogi dengan mod teknologi berasas web.

—Pengkaji telah menghasilkan pelbagai model penulisan karangan naratif. Namun dalam kertas kerja ini, pengkaji akan menjelaskan satu model asas yang telah dimanfaatkan oleh ramai guru di Singapura khususnya. Dalam pembelajaran dan pengajaran penulisan karangan yang terbahagi kepada tiga peringkat, pengkaji telah menggunakan kaedah pembelajaran yang berbeza bagi ketiga-tiga peringkat dengan tujuan pelajar dapat memahami proses penulisan karangan naratif dengan lebih efektif dan tersusun. Namun demikian, secara keseluruhan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan naratif lebih menjurus kepada kaedah pembelajaran berpusat pelajar. Kaedah pembelajaran berpusat pelajar dipercayai menggalakkan pelajar bertanggungjawab dan merangsang mereka untuk memantau proses pembelajaran mereka sendiri. Kaedah ini boleh dilakukan dengan mewujudkan iklim bilik darjah yang dapat meningkatkan kreativiti pelajar supaya pelajar dapat menyertai aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara aktif. Kaedah ini juga menggalakkan komunikasi berbentuk dua hala antara guru dan pelajar dalam aktiviti soal jawab yang dipercayai mampu memperkembangkan kemahiran pemikiran kritis serta kreatif pelajar. Pada peringkat pra-menulis, pengkaji telah memanfaatkan gabungan pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka di dalam bilik darjah dan e-pembelajaran. Untuk memastikan para pelajar dapat mengikuti e-pembelajaran secara efektif, pelajar dikehendaki melungsur blog peribadi pengkaji untuk membaca arahan yang diberi. Pelajar dikehendaki menonton klip video daripada Youtube atau rakaman peribadi pengkaji dan juga melungsur beberapa laman internet yang disaran oleh pengkaji. Dalam e-pembelajaran ini, pengkaji telah menerapkan kaedah pembelajaran berasas inkuiri yang

\*\*\*\*\*

menggalakkan pelajar mencari maklumat berpandukan arahan yang diberikan. Kaedah pembelajaran berasas inkuiri ini digabungkan dengan teori akomodasi dan asimilasi yang dipelopori oleh Piaget (1972). Pelajar diharapkan berupaya membentuk konsep dan idea tertentu sewaktu mencari maklumat yang dikehendaki. Mereka perlu mencatatkan dapatan pembacaan mereka dan juga membuat refleksi melalui blog peribadi mereka yang telah dihubungkan ke blog peribadi pengkaji. Setelah pelajar menjalani proses e-pembelajaran, pengkaji akan menjalankan pembelajaran bersemuka di dalam bilik darjah. Dalam pembelajaran bersemuka ini, pengkaji akan menerapkan kaedah pembelajaran kooperatif. Melalui kaedah ini, pelajar akan berbincang secara berkumpulan tentang dapatan yang telah mereka perolehi melalui e-pembelajaran. Sejurus itu, setiap kumpulan pelajar akan diminta berkongsi hasil perkongsian [perbincangan?] mereka. Pengkaji akan mendengar dan menyoal soalan dengan menggunakan kaedah sokratik. Kaedah tersebut dipercayai berkesan apabila digabungkan dengan teori akomodasi dan asimilasi kerana soalan-soalan yang disoal pengkaji dipercayai membantu pelajar mengatur semula idea dan konsep yang telah diperolehi sewaktu e-pembelajaran dan sesi perbincangan secara berkumpulan. Sejurus itu, pengkaji akan memberi soalan karangan naratif kepada pelajar dan mereka dikehendaki berbincang dengan menggunakan teknik mnemonik yang telah diperkenalkan terlebih awal. Untuk menggalakkan pelajar melakar plot karangan naratif secara kolaboratif, pengkaji akan memanfaatkan Web 2.0: *Wall Wisher*, untuk membenarkan mereka berbincang secara *on-line* atau dalam talian di makmal komputer. Pelajar akan menaikmuatkan hasil perbincangan mereka di blog peribadi mereka. Selanjutnya, setiap kumpulan akan diminta untuk melayari blog kumpulan pelajar yang lain dan memberi komen yang membina tentang plot cerita tersebut berpandukan teknik mnemonik yang telah dipelajari. Pengkaji juga akan memantau pembelajaran pelajar dengan melayari blog pelajar dan memberi komen berpandukan teknik mnemonik yang sama.

Para peringkat menulis pula, pengkaji telah memanfaatkan gabungan pembelajaran e-pembelajaran dengan mod teknologi berasas web. Melalui e-pembelajaran, pengkaji telah memanfaatkan kaedah pembelajaran kooperatif untuk menggalakkan mereka menulis karangan naratif secara berkumpulan. Menurut Johnson and Johnson (1989; dipetik daripada Panitz, 1998), faedah utama –pembelajaran kooperatif adalah keupayaannya meningkatkan keyakinan diri pelajar dan menimbulkan motivasi untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. –Maka untuk memastikan pelajar dapat mengaplikasi teknik mnemonik secara berkesan dan efektif dalam penulisan karangan naratif, pengkaji telah menggalakkan pelajar menggunakan Web 2.0: *Wikispaces*. Tugas ini dijalankan secara dalam talian atau *on-line* sewaktu di luar sekolah [di luar waktu sekolah?]. Mereka boleh berhubung dan berbincang melalui Web 2.0 tersebut sewaktu merampai tugas yang diberi. Mereka juga boleh memanfaatkan pautan laman internet-Internet yang tersenarai dalam blog pengkaji untuk membantu mereka mencari makna perkataan, merujuk semula teknik mnemonik dan sebagainya. Untuk memastikan setiap pelajar melibatkan diri dalam proses pembelajaran ini, mereka dikehendaki menaip dengan menggunakan warna tertentu untuk mewakili diri mereka. Dengan ini, pengkaji berupaya mengesan proses pembelajaran pelajar dengan lebih efektif. Sejurus itu, setiap kumpulan akan

\*\*\*\*\*

menghantar hasil karangan mereka melalui [???] dan pengkaji akan menaik muat ke blog peribadi pengkaji.

Pada peringkat pasca-menulis pula, pengkaji telah memanfaatkan gabungan pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka di dalam bilik darjah dan e-pembelajaran. Melalui pembelajaran bersemuka di dalam makmal, pengkaji akan mengajak pelajar mengimbas kembali teknik mnemonik yang telah diterapkan dalam proses penulisan karangan naratif. Sejurus itu, pengkaji akan meminta setiap kumpulan memberi komen berpandukan teknik mnemonik tersebut melalui blog peribadi guru. Setelah selesai memberi komen yang membina, setiap pelajar dikehendaki membaca komen-komen yang diberi oleh pelajar yang lain. Kemudian, pengkaji pula akan memberi komen yang membina berpandukan teknik mnemonik yang sama melalui blog peribadi pengkaji juga. Sebagai kerja susulan, setiap pelajar dikehendaki mengarang sebuah karangan yang lengkap di blog masing-masing. Mereka dikehendaki memperbaiki karangan yang telah dikarang secara berkumpulan. Setelah selesai, mereka boleh menggunakan Web 2.0: *Vocaroo*, untuk merakam suara mereka untuk menceritakan hasil karangan mereka dan menaikmuatkan rakaman suara mereka di blog masing-masing. Mereka juga digalakkan menggunakan Web 2.0: *Glogster* untuk membuat e-poster yang membenarkan mereka mencipta kulit muka bagi karangan naratif mereka dan menaikmuatkan di blog masing-masing. Kerja susulan ini merangsang kreativiti mereka dan mampu meningkatkan motivasi mereka dalam pembelajaran penulisan karangan naratif khususnya.

## **MANFAAT KEPADA PELAJAR**

Tidak dapat dinafikan bahawa teknik mnemonik memberi kesan yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran karangan naratif. Melalui tinjauan yang dijalankan, pelajar yang mengaplikasikan teknik ini berupaya mengingat proses penulisan karangan dengan lebih berkesan dan mengingat informasi yang diperolehi dengan lebih lama. Penerapan teknik mnemonik melalui pembelajaran pengadunan menggalakkan pelajar lebih aktif sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran mengarang karangan naratif. Gabungan kedua-dua kaedah ini meningkatkan motivasi pelajar. Efikasi sendiri pelajar juga meningkat kerana gabungan kedua-dua kaedah tersebut merangsang mereka untuk berfikir secara kreatif dan produktif. Selain itu, pelajar lemah juga didapati mampu menghasilkan karangan naratif yang asli dan kreatif. Sebagaimana yang dinyatakan Fletcher (2001), *'it would be great if each person in each class felt themselves, at least for a moment to be a "star."* Pengkaji mempercayai bahawa gabungan kedua-dua kaedah pembelajaran dan pengajaran tersebut mampu membuat pelajar lebih fokus untuk berfikir secara kreatif dan imaginatif. Pernyataan tersebut ~~dapat~~ disokong oleh Beetlestone (1998) yang menyatakan bahawa *'the classroom should therefore, provide a safe environment for risk taking, problem solving and experimentation, which will provide the necessary challenge and opportunity for originality'*.

\*\*\*\*\*

## **KESIMPULAN**

Pengkaji telah dapati bahawa penerapan teknik mnemonik dalam penulisan karangan naratif mampu meningkatkan keupayaan pelajar untuk menyusun dan mengingat semula informasi dengan lebih mudah. Secara tidak langsung teknik ini membantu meningkatkan efikasi sendiri pelajar dalam penulisan karangan naratif. Penggunaan pelbagai jenis akronim membantu pelajar memantau proses pembelajaran mereka sendiri dan pada masa yang sama membenarkan mereka menilai hasil kerja mereka dan juga teman mereka dengan lebih berkesan dan efektif. Matlamat utama bagi penggunaan teknik mnemonik ini adalah untuk membentuk pelajar yang berdikari dan bertanggungjawab. Penerapan teknik mnemonik dalam pembelajaran pengadunan pula mampu meningkatkan motivasi pelajar dan pada masa yang sama menghasilkan pembelajaran dan pengajaran yang lebih bermakna kepada diri pelajar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Kyriacou (1986) bahawa '*we should see teaching as involving a change from a passive acquisition of knowledge towards activities which help children to discover and develop their creative abilities by doing, making and organizing.*' Maka diharapkan proses pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan melalui penerapan teknik mnemonik dalam pembelajaran pengadunan ini mampu melahirkan pelajar yang berfikiran kritis, kreatif, inovatif dan imaginatif.

Formatted: Malay (Malaysia)



\*\*\*\*\*

## **BIBLIOGRAFI**

Atherton J S (2011) *Learning and Teaching; Assimilation and Accommodation* [On-line: UK] retrieved 12 May 2011 from <http://www.learningandteaching.info/learning/assimacc.htm>

Baker, L. 1982. An evaluation of the role of metacognitive deficits in learning disabilities. *Topics in Learning and Learning Disabilities*. 2 (1). 27-35.

Barnet, Sylvan. 2007. *A little literature*. New York : Pearson/Longman.

Beetlestone, F. (1998). *Creative Children, Imaginative Teaching*. Buckingham: Open University Press.

Bersin, J. (2004). *The Blended Learning Book. Best Practices, Proven Methodologies, and Lesson Learned*. San Francisco: Pfeiffer.

Collis, B. (2003). Course Redesign For Blended Learning: *Modern Optics for Technical Professionals*. International Journal of Continuing Engineering Education and Lifelong Learning. 13.

Driscoll, M. (2002). *Web-based training : Creating e-learning experiences*. San Francisco : Jossey-Bass/Pfeiffer.

De La Paz, S., Owen, B., Harris, K. & Graham, S. (2000). Riding Elvis' Motorcycle: Using self-regulated strategy development to PLAN and WRITE for a state writing exam. *Learning Disabilities Research & Practice*. 15. 101- 109.

Fletcher, M. (2001). *Teaching for Success : The Brain-friendly Revolution in Action*. Great Britain : English Experience

Gamble, Nikki. 2002. Exploring children's literature : *Teaching the language and reading of fiction*. London : Paul Chapman.

Gray, R. 1997. Mnemonics in the ESL / EFL classroom. *The Language Teacher*. 21 (4): 18-21.

Gipe, Joan P. 2005. *Multiple paths to literacy : Assessment and differentiated instruction for diverse learners*. Upper Saddle River, N.J. : Pearson Education.

Gust, John. (2007). *Adventures in fantasy : Lessons and activities in narrative and descriptive writing*. San Francisco, Calif. : Jossey-Bass.

Hillocks, George. (2007). *Narrative writing : Learning a new model for teaching*. Portsmouth, N.H. : Heinemann.

Kemper, Dave. (2006). *Write source : A book for writing, thinking and learning*. Wilmington, Mass. : Write Source : Great Source Education Group.

Kyriacou, C. (1986). *Effective Teaching in Schools*. Hemel Hempstead : Simon and Schuster.

\*\*\*\*\*

Koh, J. (2010, June 2). Mother tongue language review will build on strengths of what's been put in place. *Channel NewsAsia*. Retrieved from <http://www.channelnewsasia.com/stories/singaporelocalnews/view/1060618/1/.html>

Lane, Barry. (2008). *But how do you teach writing? : A simple guide for all teachers*. New York, N.Y. : Scholastic.

Matheos, K., & Archer, W. (2004). From distance education to distributed learning surviving and thriving. *Online Journal of Distance Learning Administration*, 7(4), 1–15. Retrieved from <http://www.westga.edu/~distance/ojdl/winter74/matheos74.htm>

McCarthy, Tara. (1998). *Narrative writing*. New York : Scholastic Professional Books.

National Institute of Education. (2009). *A teacher education model for the 21st century*. Singapore: Author.

Panitz, T. 1999. *How motivates students and teachers: Benefits of cooperative learning in relation to student motivation*. Diambil pada Desember 30, 2008, from <http://home.capecod.net/~tpanitz/tedsarticles/motivation.htm>

Roschelle, J., Pea, R., Hoadley, C., Gordin, D., & Means, B. (2001). Changing how and what children learn in school with computer-based technologies. *The Future of Children*. 10(2). 76–101.

Sunflower, Cherlyn. (2006). *Really writing : Ready-to-use writing process activities for the elementary grades*. San Francisco, Calif. : Jossey-Bass.

Tompkins, Gail E. (2008). *Teaching writing : Balancing process and product*. Upper Saddle River, N.J. : Pearson/Merrill Prentice Hall.

Toomey, Marilyn M. (1998). *From sentence to narrative*. Marblehead, MA : Circuit Publications.

Whitehead, David. (1998). *Catch them thinking and writing*. Arlington Heights, IL : SkyLight.